

# DARI MEJA KETUA PUSTAKAWAN

**“Sentiasa Berusaha  
Untuk Memberi  
Perkhidmatan Berkualiti””**



Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bertemu dalam Buletin Info Pintar Bilangan 1/2009. Selamat melangkah ke tahun 2009 dengan harapan budaya kualiti dapat dipertingkatkan lagi demi memperoleh kejayaan yang lebih cemerlang di masa akan datang.

Tahun 2009 telah menunjukkan satu permulaan yang baik apabila PTAR telah berjaya memperolehi kejayaan demi kejayaan dalam bidang Inovasi, Kualiti serta perkhidmatan. Pengiktirafan tertinggi PTAR setakat ini adalah dalam bidang Inovasi iaitu 1 pingat EMAS dan 1 pingat GANGSA dari Geneva, Switzerland serta 1 pingat EMAS dari Seoul, Korea. Kejayaan ini telah membuktikan PTAR bukan sahaja berupaya untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti tetapi juga mampu menghasilkan idea-idea baru serta produk-produk yang berinovasi. Pada setiap tahun, beberapa kumpulan KIK telah ditubuhkan bagi memberi peluang kepada Warga PTAR untuk menunjukkan kreativiti serta idea masing-masing di dalam menyelesaikan permasalahan Jabatan melalui pelbagai proses penambahbaikan.

Seterusnya, PTAR sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan cemerlang kepada seluruh Warga UiTM di dalam memenuhi visi serta misi UiTM kearah IERU menjelang tahun 2010.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengurusan UiTM serta seluruh warga PTAR diatas usaha serta kerjasama yang telah diberikan selama ini. Tagline “PTAR @ Your Service” membuktikan bahawa PTAR sentiasa bersedia untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti serta unggul kepada para pelanggan.

Sekian, terima kasih.